

**PERBUALAN TELEFON ANTARA MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA DAN PENASIHAT NEGARA DAN
MENTERI LUAR NEGERI REPUBLIK RAKYAT CHINA, 29 SEPTEMBER 2021**

DAN

**SUMBANGAN SATU JUTA DOS VAKSIN COVID-19 SINOVAC KE MALAYSIA DARI KERAJAAN REPUBLIK
RAKYAT CHINA**

Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri dan Tuan Yang Terutama Wang Yi, Penasihat Negara dan Menteri Luar Negeri Republik Rakyat China (RRC) telah mengadakan satu perbualan telefon pada pagi ini bagi memperbaharui hubungan kerja dan persahabatan mereka serta berkongsi dan bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa semasa.

Kedua-dua Menteri Luar Negeri menyatakan komitmen berterusan bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara. Selain mengukuhkan lagi hubung dua hala yang sedia erat dan memperluas kerjasama dalam pelbagai bidang, Malaysia dan RRC akan terus mengembangkan kerjasama dua hala ke bidang baru, terutama dalam teknologi dan industri baru, misalnya ekonomi digital dan keselamatan siber, untuk manfaat bersama demi kedua-dua rakyat kita. Kedua-dua Menteri telah juga membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa, termasuk perkembangan terkini di Laut China Selatan.

Pada waktu yang sama, Tuan Yang Terutama Wang Yi juga menyampaikan keputusan Kerajaan RRC untuk menyumbangkan satu juta dos vaksin COVID-19 CoronaVac (Sinovac) tambahan kepada Malaysia atas dasar persahabatan yang mendalam antara kedua-dua negara dan sesama rakyat. Sebelum ini, Kerajaan RRC pada bulan Julai 2021 yang lalu telah menyumbangkan 500,000 dos vaksin Sinovac untuk membantu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Malaysia.

YB Dato' Saifuddin Abdullah bagi pihak Kerajaan Malaysia menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan RRC atas sumbangan terbaru ini. Kerajaan Malaysia dan RRC telah menjalin kerjasama sejak wabak COVID-19 mula tercetus. RRC, melalui saluran kerajaan dan entiti swasta, telah menunjukkan solidariti dengan Malaysia melalui sumbangan bekalan peralatan perubatan seperti topeng muka, peralatan pelindung diri (PPE) dan ventilator, selain menghantar sepasukan pakar kesihatan dari Guangzhou untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam rawatan pesakit dan pengurusan data. Sementara itu, Malaysia juga telah menyumbang wang tunai sebanyak USD satu (1) juta, 18 juta sarung tangan getah dan 15 tan barang makanan ke RRC semasa wabak mula menular di Wuhan.

Kedua-dua Kerajaan telah menandatangani Perjanjian Kerjasama dalam Pembangunan dan Aksesibiliti Vaksin dan Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama dalam Era Pasca-COVID-19 masing-masing pada 18 November 2020 dan 1 April 2021. Kerajaan RRC juga telah meletakkan Malaysia dalam senarai keutamaan penerima vaksin buatan RRC pada bulan Oktober 2020.

Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama Putrajaya dan Beijing untuk menangani wabak ini secara berkesan, menuju ke pemulihan penuh bagi kedua-dua negara.

PUTRAJAYA

29 September 2021